



Airudin (dua, kanan) ketika melawat keadaan banjir di Kampung Sungai Nilam semalam. Gambar kecil: Maznah.

Empat perkampungan banjir

HULU BERNAM - Empat perkampungan di Sungai Selisek terlibat dalam banjir semalam.

Penghulu Mukim Hulu Bernam, Airudin Saranor berkata, bagaimanapun daripada empat perkampungan itu tidak ada keluarga yang terjejas teruk, hanya satu di Kampung Sungai Nilam dan satu di Kampung Paya Lebar.

"Daripada semua mangsa terlibat ini hanya penduduk di Kampung Sungai Nilam yang dipindahkan sementara ke surau berdekatan dan selebihnya berada dalam keadaan selamat," katanya ketika ditemui semalam.

Menurutnya, keadaan telah kembali surut menjelang tengah hari semalam dan semua beransur pulih pada sebelah petang.

Katanya, bantuan kepada mangsa banjir juga sudah disalurkan melalui Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor (PDHS) dan Jabatan

Kebajikan Masyarakat (JKM) Hulu Selangor.

Sementara itu, Pegawai Kebajikan Masyarakat, Maznah Othman berkata, JKJ telah menyalurkan bantuan berupa tilam, selimut termasuk peralatan mencuci.

"Setakat petang semalam JKJ hanya menyenaraikan dua keluarga paling terjejas yang melibatkan kira-kira 20 orang.

"Keadaan ini dipercayai hanya disebabkan air lalu di mana sungai tidak mampu menampung limpahan air dari hulu Sungai Bernam," katanya ketika dihubungi.

Dalam pada itu, tinjauan *Sinar Harian* ke beberapa kawasan terlibat pada pagi semalam mendapati tiga rumah di Kampung Paya Lebar; tiga di Kampung Sekolah dan masing-masing dua mangsa di Kampung Sungai Nilam dan Kampung Masjid yang dinaiki air.